



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROFESSOR DR. ABDUL HALIM BIN ALI  
PENSYARAH DAN PENULIS BUKU KESUSASTERAAN MELAYU

OLEH:

NUR HIDAYAH BINTI ZAKARIA @ YAHAYA	2018299552
NOOR FARAHIN BINTI MOHD ALIFF CHOO	2018635366

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2020 – JAN 2021)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROFESSOR DR. ABDUL HALIM BIN ALI  
PENSYARAH DAN PENULIS BUKU KESUSASTERAAN MELAYU

OLEH:

NUR HIDAYAH BINTI ZAKARIA @ YAHAYA	2018299552
NOOR FARAHIN BINTI MOHD ALIFF CHOO	2018635366

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2020 – JAN 2021)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah,bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa,nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapa penghargaan ini kepada pensyarah tercinta kami, Nurulannisa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kami pemudahcara untuk menyiapkan transkrip ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami utarakan kepada mereka.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini.Terima kasih.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

*Temubual ini dilakukan bersama Pensyarah Kesusasteraan Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak iaitu Profesor Madya Dr. Abdul Halim Ali yang bertujuan untuk mengetahui tentang kerjaya beliau dalam Kesusasteraan Melayu. Beliau merupakan anak jati daerah Merchang, Terengganu. Temubual ini dijalankan secara dalam talian iaitu dengan menggunakan Google Meet. Profesor Dr. Abdul Halim Ali banyak menjawat jawatan dalam pengurusan UPSI, antaranya Pangarah Pusat Perhubungan Alumni, UPSI (2011-2017 dan Pengarah Pusat Ulu Albab UPSI (2019- kini). Selain tugas rasmi sebagai pensyarah, beliau juga merupakan Presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN), Presiden Rangkaian Ahli Akademik & Profesional Anak Terengganu (PERAPAT) Malaysia, Ahli Jawatankuasa Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Sasterawan NUMERA Malaysia. Hasil beliau berkecimpung dengan Kesusasteraan Melayu, beliau telah banyak menerbitkan hasil karya penulisannya tersendiri seperti antologi-antologi puisi, karya am dan buku-buku akademik. Banyak sumbangan dan jasa yang beliau berikan di tempat kelahiran mahupun negaranya. Perkhidmatan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang terutama anak muda sekarang.*

*Katakunci: Pensyarah, Kesusasteraan, UPSI, Guru, Penulis*

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-iv
Isi Kandungan.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	1-3
Pengenalan.....	4-5
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	7-11
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	11-12
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	12-18
Bahagian 4: Sumbangan dan Harapan.....	18-22
Lampiran.....	23
Senarai Soalan.....	24-31
Surat Perjanjian.....	32
Indeks.....	33-34



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH

### BIODATA RINGKAS

**PROFESSOR DR. ABDUL HALIM BIN ALI**  
**PENSYARAH KESUSASTERAAN MELAYU (UPSI)**  
**TOKOH SASTERAWAN TERENGGANU (PELITA) 2019**



<b>Nama</b>	<b>Profesor Dr. Abdul Halim bin Ali</b>
<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Umur</b>	
<b>Tempat Lahir</b>	Merchang, Terengganu
<b>Email</b>	
<b>Alamat</b>	Tanjong Malim, Perak
<b>No Telefon</b>	
<b>Bilangan adik-beradik</b>	
<b>Bilangan anak</b>	

<b>Posisi sekarang</b>	Professor VK7
<b>Kelayakan Akademik</b>	<p>Diploma Pendidikan (Pendidikan / Bahasa Melayu), Institusi Bahasa, Kuala Lumpur, 1998.</p> <p>Ijazah Sarjana Muda Sastera (Geografi / Geografi), University Kebangsaan Malaysia, 1989.</p> <p>Ijazah Sarjana Sastera (Sastera / Persuratan Melayu) University Kebangsaan Malaysia, 1998</p> <p>Ijazah Doktor Falsafah (Kesusasteraan Meayu), University Pendidikan Sultan Idris, 2010</p>

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Abdul Halim bin Ali atau juga dikenali sebagai Prof Dr. Abdul Halim Ali merupakan pensyarah di sebuah intitusi pengajian tinggi iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam bidang Kesusasteraan Melayu Moden yang merupakan anak kelahiran jati dari Merchang, Terengganu. Beliau merupakan anak bongsu daripada 5 beradik yang pertama berjaya menamatkan pengajiannya sehingga ke peringkat PhD. Sebelum menjadi pensyarah beliau pernah bertugas sebagai guru di beberapa buah sekolah menengah di Sarawak, Terengganu dan Pahang. Beliau banyak menghasilkan karya ilmiah dan kreatif serta terlibat dalam penyuntingan buku-buku umum. Selain itu aktif dalam pembentangan kertas kerja dalam pelbagai seminar di pelbagai peringkat. Beliau juga terlibat dalam aktiviti pembacaan puisi, mengendalikan bengkel penulisan puisi, Fasilitator motivasi, Fasilitator Program Penghayatan Sastera dan Budaya DBP untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Sepanjang penglibatannya dalam pentadbiran, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Sekretariat Kursi Za'ba, UPSI (2001-2002, Penyelaras Program Bahasa dan Kesusasteraan Melayu (Sept 2001- Okt 2002), Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu (Nov 2002-Okt 2003) dan Timbalan Dekan Pengurusan dan Penyelidikan, Fakulti Bahasa (Sept 2003-Sept 2005), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Felo Institut Peradaban Melayu (2007-2009), Pangarah Pusata Perhubungan Alumni, UPSI (2011-2017). Selain tugas rasmi sebagai pensyarah, Abdul Halim juga merupakan Presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN), Presiden Rangkaian Ahli Akademik & Profesional Anak Terengganu (PERAPAT) Malaysia, Ahli Jawatankuasa Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Sasterawan NUMERA Malaysia (Peoplepill.com, 2019).

# TRANSKRIP

## PENDAHULUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Sastera Melayu. Bersama-sama kami ialah Prof. Dr. Abdul Halim bin Ali yang merupakan seorang pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 April 2020 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3 petang melalui persidangan video (*zoom*). Temubual ini dikendalikan oleh Nurhidayah binti Zakaria@Yahaya dan Noor Farahin Binti Mohd Aliff Choo Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### PETUNJUK

**PDAH: Profesor Dr Abdul Halim**

**FC: Farahin Choo**

**HZ: Hidayah Zakaria**

## PERBUALAN PERMULAAN

PDAH : Universiti? [audio tidak sempat direkod semasa permulaan temuramah]

FC : UiTM Kelantan

PDAH : jauh sangat Kelantan dekat Sempadan Thailand

FC : Machang je, tak sampai sempadan Thailand.

PDAH : Baiklah tujuan temuramah untuk apa? untuk kursus awak ke?

FC : ya untuk kursus saya tajuk oral history.

PDAH : baiklah nak tanya tentang apa dahulu?

## LATARBELAKANG KELUARGA

**FC : First kitorang [kami] nak Prof ceritakan serba sedikit tentang latar belakang keluarga. Prof, asal usul Prof dari segi apa ni? [berfikir] tempat kelahiran dan kediaman Prof.**

PDAH : Baiklah-baiklah kalau maklumat tentang saya tu boleh tengok di dalam

Wikipedia.

**FC : Sebab kita orang [ kami] kena rekod suara Prof**

PDAH : Saya Abdul Halim Ali Kampung Merchang Terengganu. Saya asal di Merchang dan sekarang menetap di Perak Darul Ridhuan. Lagi?

**FC : tahun kelahiran Prof?**

PDAH : tahun bukan tahun 1984 (bergurau).

**FC : Pastu, [berfikir] banyak sebenarnya soalan tapi saya ingat saya nak bersantai**

PDAH : Takpe takpe [tidak mengapa]

**FC : Prof Boleh saya tahu, sekolah mana yang Prof mengajar masa menjadi guru di Dungun?**

PDAH : di Dungun saya mengajar di Sekolah Menengah Sultan Omar.

**FC : Oh Sultan Omar, Saya ingat Prof mengajar di Intan Zaharah?**

PDAH : Intan Zaharah tu sekolah saya masa saya tingkatan 6 dulu

**FC : Saya pun (juga) pelajar tingkatan enam kat situ (sekolah Menengah IZ).**

PDAH : Awak tingkatan 6 kat situ eh (juga)? bagus-bagus jadi alumni sama dengan saya lah.

FC : *Excited* (teruja) saya.

PDAH : Saya tingkatan 6 di sana pada tahun 1982. saya pernah balik di sana untuk Reunion (berjuma) untuk alumni tahun 82/83. Ada lagi kawan-kawan saya yang mengajar di situ.

**FC : Boleh saya tahu nama-nama alumni. Mana tahu dia cikgu saya?**

PDAH : Cikgu Mahmood Yacob mengajar ekonomi seingat saya.

FC : Saya pelajar cikgu Mahmood (teruja)



PDAH : Cikgu Razi, Cikgu Zulkifli, Cikgu Zul

FC : Cikgu Mahmood saya kenal.

PDAH : Cikgu Mahmood tu dah pencen kan?

FC : Ya, dia dah pencen.

PDAH : Itulah antara kawan-kawan saya yang saya ingat. *Okay* baiklah.

**FC : Boleh tahu tak Macam prof dengan family prof,[berfikir] pasangan prof tu adakah dia sama kerjaya dengan prof?**

PDAH : Dia seorang guru.

FC : Oh seorang guru. Boleh saya tahu dia guru sekolah rendah atau sekolah menengah?

PDAH : Guru sekolah menengah

**FC : Pastu nak tahulah prof punya anak-anak pun belajar tahap pendidikan sampai mana?**

PDAH : anak-anak? [berfikir] yang belajar di Universiti ada, yang sedang belajar ada yang belajar di UPM tapi, anak-anak saya tiga orang sudah bekerja

**FC : oh, dah kerja 3 orang.**

PDAH : Seorang masih belajar di IPG dan dua orang sekolah menengah.

**FC : Kiranya Semua sekali enam orang anak Prof?**

PDAH : ya, enam orang anak saya.

**FC : Jadi tiga orang dah berkerja? Dari segi bidang yang diorang [mereka] ambil tu?**

PDAH : Seorang daripada anak saya dalam bidang kejuruteraan kapal terbang. anak saya tu merupakan pelajar di Air Rod. Kemudian sorang lagi ambil bidang *English* bukan TESL tapi English di UPM dan seorang lagi mengambil jurusan *culinary*.

- FC** : **untung Prof kalau dia balik mesti dia masak. (bergurau)**
- PDAH : ya, memang dia masak. Kemudian sorang lagi di IPG bahasa di Lembah Pantai.
- FC** : **Jadi, anak-anak prof menceburkan diri dalam bidang yang mereka sendiri minat kan?**
- PDAH : ya, mereka memilih bidang masing-masing.
- FC** : **Lepas tu, boleh saya tahu kalau ibu bapa tuan ada di Terengganu atau di Perak?**
- PDAH : Ayah saya dah meninggal jadi ibu saya tinggal dengan saya di Perak sekarang.
- FC** : **Jadi Prof duduk bersama ibu sekali. Sekejap Prof, ada sorang lagi sebenarnya. Yang ni baru betul Hidayah saya Noor Farahin (bergurau).**
- PDAH : *Okay*
- FC** : **Boleh saya tahu Prof anak yang ke berapa dalam keluarga dan berapa orang adik-beradik Prof?**
- PDAH : Saya anak bongsu.
- FC** : **Oh anak bongsu?**
- PDAH : Saya ada lima orang adik-beradik. Empat orang satu ayah seorang lagi ayah yang berbeza.
- FC** : ***Okay.* Boleh saya tahu dalam keluarga Prof pendidikan itu penting atau tidak ataupun mengikut kehendak masing-masing?**
- PDAH : Dalam keluarga saya, saya memang berasal dari keluarga kampung orang susah zaman dahulu. kakak dan abang saya memang tidak dapat meneruskan pelajaran dan mereka hanya belajar sampai darjah lima sahaja. Kemudian habis sahaja darjah 5 kakak dan abang saya yang tak ada duit untuk belanja tidak boleh meneruskan persekolahan lagi. Mereka berdua sekolah sampai darjah 5 atau darjah 6 seingat saya.  
Kakak saya lepas SPM dia bekerja dan sekarang dah pencen. Jadi saya

merupakan anak bongsu yang sempat belajar.

## LATARBELAKANG PENDIDIKAN

**FC : Macam mana Prof terdetik untuk sambung belajar dalam keadaan keluarga Prof yang menghadapi masalah kewangan?**

**PDAH :** Masa belajar dulu alhamdulillah saya dapat gred satu pada tahun 1981 dan saya dapat masuk form 6. Masa kali pertama saya menjalani peperiksaan saya tidak lepas untuk masuk ke Universiti kemudian saya ambil semula peperiksaan Alhamdulillah saya diterima masuk ke universiti.

**FC : Boleh saya tahu Prof ambil subjek apa masa berada di tingkatan 6?**

**PDAH :** Saya mengambil aliran kemanusiaan, subjek yang saya ambil ialah pengajian am, tapi dulu tak dipanggil sebagai pengajian am tapi dipanggil sebagai Pengajian Malaysia, Geografi ekonomi bahasa Melayu dan sejarah tak silap saya. Pada masa itu saya dapat *4 principle*, dengan keputusan yang saya peroleh telah memberi peluang kepada saya melanjutkan pelajaran ke UKM.

**FC : Sekarang ramai juga yang mengambil langkah-langkah mudah macam tu dengan melanjutkan pelajaran di Matrik, tingkatan 6, asasi dan sebagainya.**

**PDAH :** Tapi masa itu kalau kami dapat masuk tingkatan 6 dikira baik kerana di tempat saya hanya ada satu sahaja sekolah tingkatan 6 yang disediakan di tempat saya.

**FC :** Betul, dulu sekolah tingkatan 6 tidak banyak seperti sekarang.

**PDAH :** Di tempat saya hanya ada satu sekolah tetapi jauh dari rumah saya.

**FC : Prof duduk asrama ke?**

**PDAH :** Ya saya duduk asrama.

**FC : Masa Prof sambung belajar ada buat pinjaman pendidikan atau dapat mana-mana biasiswa dan tajaan?**

**PDAH :** Masa zaman dahulu saya pilih juga biasiswa sebab terlalu banyak biasiswa pendidikan seperti biasiswa kerajaan negeri, JPA, Yayasan dan kementerian kerana saya memang ingin menjadi seorang cikgu.

**FC : So macam kalau apa ni? [berfikir] Prof start sebelum ambil PhD semua tu Prof start dari mana?**

**PDAH :** Saya masuk UKM dan semasa saya di UKM saya merupakan pemegang biasiswa pelajaran dan saya terikat untuk jadi cikgu. Selepas belajar empat tahun di UKM saya sambung belajar dalam diploma pendidikan yang ketika itu dipanggil sebagai DPLI di institusi bahasa, Lembah Pantai selama setahun. kemudian pada tahun 90 bulan Mei habis kemudian bulan 6 saya ditempatkan mengajar di Sarawak. Selepas empat tahun di Sarawak saya ditukar ke Dungun, Terengganu selama setahun kemudian bertukar pula ke Pahang di Sekolah Menengah Kampung Awah sampai bulan Jun tahun 2000. Semasa saya mengajar di Kampung Awah saya melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana sebagai pelajar separuh masa di UKM. kemudian pada tahun 1999 Saya memohon jawatan sebagai pensyarah di UPSI. Pada 1 hari bulan Julai tahun 2000 alhamdulillah saya diterima sebagai pensyarah di UPSI.

**FC : So dari situlah Prof terlibat dengan sateranya?**

**PDAH :** Saya memang dari sekolah lagi saya mengajar sastera.

**FC :** Oh ya ke [terkejut]

## **PENGALAMAN KERJAYA**

**HZ : Prof memang berminat dengan kesusasteraan Melayu ke?**

**PDAH :** Betul memang saya minat dengan kesusasteraan Melayu. Saya juga seorang penulis. Awak boleh cari maklumat saya dalam Google. cari sahaja nama saya dan awak akan jumpa maklumat tentang diri saya.

**FC : Saya ada tengok buku-buku yang Prof terbitkan sangat banyak. Buat masa ini Prof ada buat penulisan baru tak?**

PDAH : Kalau buku saya ada yang terbaru yang telah diterbitkan pada tahun 2020 berkaitan dengan sastera. Kemudian dalam dewan sastera saya juga membantu dalam penulisan Journal juga saya menulis tetapi saya lebih suka sastera. Esok 6 hari bulan saya ada baca puisi di UPSI. Saya memang orang sastera, dunia sastera, hidup dengan darah sastera dan menulis sastera. Begitulah kehidupan saya

**FC : Boleh saya tahu ada tak kursus-kursus profesional lain yang pernah Prof sertai?**

PDAH : Kursus yang Bagaimana? kursus Akademik, kursus profesional atau kursus ikhtisas?

FC : Kursus profesional.

PDAH : Kursus profesional yang pernah saya ikuti adalah seperti kursus motivasi

**FC : Prof biasa dijemput sebagai tetamu dalam program penting?**

PDAH : Banyak. Walaupun saya dalam bidang Sastera saya tetap dijemput sebagai pakar dalam motivasi. Tetapi kebanyakannya adalah dalam bidang Sastera terutama bengkel penulisan kreatif.

FC : Bagaimana dengan Hidayah? ada apa-apa soalan?

**HZ : Ada tak apa-apa kenangan pahit sepanjang Prof dalam bidang Sastera?**

PDAH : Pahit macam peria ( bergurau)

**HZ : Maksud saya mungkin Prof pernah rasa kekecewaan, penyesalan dan cabaran kerana menceburi bidang Sastera ini.**

PDAH : Sebenarnya banyak kesukaran hidup saya dari saya kecil lagi sehingga sekarang memang abang-abang dan kakak-kakak tidak boleh melanjutkan persekolahan. ibu saya pula terpaksa bekerja sana sini jadi kuli orang jadi tukang masak orang, jadi tukang jual di kantin dan macam-macam.

- FC : Betul-betul, hidup zaman dulu tak sama dengan hidup zaman sekarang.**
- PDAH : Saya sebenarnya hidup dengan nenek saya bersama kakak saya dan saya tidak tinggal bersama ibu saya disebabkan kakak saya tidak boleh ke sekolah dia terpaksa menjaga saya. Itu adalah kenangan indah yang paling saya tidak boleh lupakan. saya masih ingat semasa umur saya 2 atau 3 hingga 4 tahun, kakak saya yang menghantar saya ke sekolah dengan berjalan kaki walaupun jarak antara rumah dan sekolah saya terlalu jauh. saya rasa Inilah pengalaman pahit yang pernah saya lalui
- FC : Mungkin disebabkan kenangan tu yang mendorong Prof untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.**
- PDAH : Kalau nak tahu sepanjang saya melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dan Sarjana, saya tidak membuat mana-mana pinjaman dari kerajaan ataupun biasiswa dan saya hanya menggunakan duit saya sendiri sepanjang saya belajar di peringkat PhD dan juga Sarjana. Dengan hasil usaha saya belajar menggunakan duit sendiri merasakan kenangan itu lebih manis. Kalau macam awak lain lah Sebab awak pakai duit kerajaan kan? (bergurau)
- FC : Betul, saya ambil pinjaman PTPTN [ketawa]. Boleh saya tahu tak pengalaman dan perasaan Prof semasa Prof mula-mula masuk ke alam universiti? sebab Prof merupakan anak bongsu dan juga merupakan anak yang pertama masuk ke universiti dalam kalangan adik-beradik lain.**
- PDAH : Saya pergi ke universiti berseorangan tanpa ditemani ibu bapa dan adik-beradik lain sebab masa tu ibu saya seorang peniaga dan terpaksa saya pergi sendiri menaiki bas dengan menggalas beg, tikar, bantal pada zaman dulu. Saya berbaris (beratur) berjam-jam pada masa itu sangat susah. Sampai je (sahaja) di UKM, saya sangat seronok sebab, walaupun saya orang susah tapi saya rasa bangga kerana dapat masuk ke Universiti dan dapat membanggakan ibu saya. Saya sebagai seorang yang tak pandai bahasa Inggeris bila masuk Universiti saya pergi ke perpustakaan saya sedikit terkejut sebab taka da (tiada)

satu pun buku dalam bahasa Melayu. Pada masa itu penulis-penulis di Malaysia baru pandai menulis sekitar tahun 70-an dan mereka hanya menulis dalam bahasa Inggeris, bahasa Indonesia lama dan Jawi. Dalam tahun 80-90-an barulah ada budaya menulis dalam kalangan orang Melayu di negara kita. Saya dapati kebanyakan subjek yang berkaitan dengan geografi dan juga matematik adalah dalam bahasa Inggeris tiada satu pun dalam bahasa Melayu. Saya belajar Inggeris sendiri dengan membeli kamus. Rumah saya adalah di perpustakaan. Saya keluar dari kampus bermula pada waktu pagi saya akan duduk di perpustakaan sehinggalah perpustakaan hampir tutup iaitu pada pukul 9 malam.

**FC : Oh, Prof ni ulat buku la ya? [bergurau]**

PDAH : Kediaman kolej saya tu jauh jadi saya terpaksa jalan kaki sebab tu saya duduk di perpustakaan sebab di tingkat bawah perpustakaan ada kafe. Kalau saya rasa lapar mudah untuk saya ke kafe sebab dekat. Saya duduk di situ ( perpustakaan) dengan satu buah kamus untuk belajar bahasa Inggeris dan baca buku bahasa Inggeris sambil tengok kamus, alhamdulillah saya boleh faham kalau pensyarah bagi tugas dalam bahasa Inggeris walaupun tugas dan penulisan saya perlu ditulis dalam bahasa Melayu. Itulah cabaran yang saya hadapi kerana subjek yang saya ambil masa berada di UKM ialah geografi, sains politik dan topologi jadi saya dapati memang tiada penulisan dalam bahasa Melayu, kalau ada sekalipun pasti dalam bahasa Indonesia. Seingat saya pada tahun 90-an barulah ada buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu di perpustakaan. Tak (tidak) sama macam tahun 80an dulu. Kemudian cabaran lain yang saya ingat, selepas saya habis belajar saya mula menjadi seorang guru dan Itulah permulaan *memory* (kenangan) manis saya sebagai pekerja kerajaan. Saya rasa walaupun kenangan ini pahit dan kehidupan yang susah pernah saya alui saya anggap semuanya manis.

**FC : Betul, bukan mudah untuk kita dapat kenangan masa berada di universiti**

PDAH : Jadi kita kena sentiasa ingat kalau bukan disebabkan oleh jasa ibu bapa kita, kita tidak akan sampai ke tahap seperti sekarang.

**FC : Macam mana (bagaimana) persepsi keluarga semasa Prof mula-mula melanjutkan pengajian dalam kursus yang Prof ceburi pada masa itu?**

PDAH : Disebabkan saya tinggal bersama mak dan kakak saya, keluarga saya tidak berapa tahu soal pelajaran sebab kami orang kampung dan mak saya pula tidak banyak bertanya, cuma apabila saya dapat sambung ke Universiti, mak saya sangat gembira sebab dalam kampung tu hanya saya seorang je (sahaja) yang dapat masuk ke universiti dan menjadi satu kebanggaan buat keluarga. Dia orang (mereka) tak berapa tahu apa itu kursus topologi, sains politik semua tu. Yang penting saya masuk Universiti\_\_\_(masalah line internet).

**FC : Sepanjang Prof melanjutkan pengajian dari tingkatan 6 sampailah ke (sehingga) PhD, adakah program atau jurusan yang Prof ceburi itu berlanjutan dengan kursus-kursus sebelum ini?**

PDAH : Ya, memang berkaitan sebab saya memang minat sastera sejak dari tingkatan 4 lagi saya mengambil sastera. Saya memang bagus dalam sastera Alhamdulillah sejak saya di tingkatan 4 sehinggalah ke tingkatan 6 kemudian semasa saya di universiti saya mengambil jurusan-jurusan *minor* (tambahan) yang membantu saya dalam meningkat kan pencapaian sastera saya. Saya memang minat menulis.

**FC : Lepas Prof menamatkan ijazah adakah Prof terus melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana?**

PDAH : Saya sambung belajar buat ijazah pada tahun 1989. Pada tahun 1998 saya sambung Master. Saya menyambung pengajian ke peringkat Master selama setahun setengah dan dalam masa yang sama saya bekerja, menjadikan saya sebagai pelajar separuh masa.

**FC : Prof ada tak rasa perbezaan antara ijazah, Master dan PhD? perbezaan dari segi sistem pembelajaran dan kemudahannya?**

PDAH : Antara Master dan PhD Saya rasa PhD paling mencabar sebab kita perlu ada kelayakan yang tinggi dalam akademik. PhD tidak semudah seperti yang pernah



saya belajar semasa di peringkat Master. Masa PhD ni lah saya cipta satu teori dalam sastera.

**FC : Boleh saya tahu teori apa itu?**

PDAH : Teori estetika bersepadu.

**FC : Teori tu berkaitan apa?**

PDAH : Kalau awak nak cari maklumat berkenaan estetika bersepadu awak boleh layari di Internet. Type (tuliskan/cari) je (sahaja) estetika bersepadu doktor Abdul Halim Ali dan akan keluar banyak maklumat mengenai teori saya tu. Itulah hasil dari PhD saya. Tapi kalau anda masih muda dan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran, saya cadangkan anda sambung belajar. Bila kita dah ada sijil Master, itu adalah lesen untuk kita pergi ke profesion (bidang) kita sebagai pensyarah dan lebih memudahkan kita untuk satu langkah ke PhD. Kalau tak ada Master nak pergi ke PhD itu memang susah. Kalau nak ikut kerja, awak memang akan fikir untuk bekerja tapi kalau ikut peluang untuk belajar saya nasihatkan habis sahaja ijazah awak sambung Master. Sebab Master dalam masa dua tahun awak boleh tamatkan dan PhD dalam masa 4 tahun boleh habis. Kerja ni bila-bila boleh dapat.

**FC : Betul tu Prof, tapi itulah saya bukan dari keluarga yang senang sebab keluarga pun berharap selepas belajar suruh kerja. Jadi saya rasa lebih baik saya bekerja dahulu dah sambung belajar kemudian bila ada peluang.**

PDAH : Bagus, dalam masa bekerja tu jangan lupa belajar, sebab bila kita dah bekerja, dah sibuk, dah ada anak dan bersuami, tak akan fikir lagi untuk sambung belajar. Nak cari rumah lagi nak cari kereta lagi dan akhirnya kita pun kehilangan masa-masa penting kita. Bila dah umur 40 tahun baru nak sambung belajar, masa tu kita terpaksa *start from zero* (bermula dari kosong).

FC : Masa tu pun otak mungkin dah berkarat (bergurau)

PDAH : Bukan karat lagi tapi minda kita dah kosong pada masa itu. Okey, lain-lain soalan lagi?

**FC : Prof merupakan pelajar yang datang dalam keluarga yang susah, jadi apa**

**perasaan Prof bila Prof dapat pekerjaan selepas tamat ijazah?**

PDAH : Saya memang masa belajar dah ada niat untuk menjadi cikgu, jadi saya tidak ambil biasiswa lain. Kebiasaannya yang ambil biasiswa lain dia boleh minta jadi pegawai lain, tapi saya memang berhajat nak jadi cikgu jadi saya dapat sahaja biasiswa saya *aim* (tujuan) bahawa saya suatu hari nanti saya akan jadi cikgu, jadi bila saya habis belajar saya jadi cikgu dan saya sangat gembira sebab memang ini cita-cita saya sejak saya masuk universiti lagi.

**FC : Sebagai pelajar Master dalam masa yang sama menjadi seorang guru, apa tanggung jawab yang paling berat pernah Prof rasa?**

PDAH : Sedikit beban sebab pada masa itu saya merupakan penolong kanan Hal Ehwal murid dan juga seorang pelajar separuh masa di UKM. oleh kerana saya mengajar dan separuh masa belajar, kuliah akan mula Jumaat sahaja jadi saya boleh pergi waktu petang. Antara Temerloh ke Bangi taklah jauh sangat lebih kurang dua jam saya boleh sampai. Saya tidur satu malam dan esoknya ke kuliah. Cabarannya ialah dari segi pengagihan masa sebab pada masa itu satu bekerja di sekolah, kedua saya dah ada anak kemudian ketiga mengejar cita-cita saya. Cuma, kalau kita boleh bahagikan masa dengan baik, tak ada masalah sebab cabaran saya tak adalah kritikal berbanding dengan cabaran yang kawan-kawan saya alami. Dia orang (mereka) lebih dahsyat dari saya sebab ada yang menggadai, ada terpaksa berhenti kerja, ada yang kemalangan dan ada yang sampai bercerai. Bagi saya cabaran saya alhamdulillah tidak seteruk orang lain.

**FC : Betul lah tu, selagi kita boleh menguruskan masa, kenapa tidak kita cuba untuk sambung belajar kan? Hidayah ada apa-apa soalan ke? saya rasa Hidayah ada masalah Internet.**

PDAH : Awak tinggal kat mana Hidayah?

HZ : Saya Kedah Prof.

PDAH : Bagus tinggal di Kedah. Tempat awak banyak covid (bergurau)

HZ : Tak ada. Area rumah saya tak ada kes Prof.

PDAH : Kalau tak ada Alhamdulillah. (bergurau) Ada apa-apa soalan?

**SUMBANGAN**

**HZ : Masa Prof bekerja kat UPSI sebagai pensyarah, selain daripada sastera Prof ada tak melibatkan diri dalam pengurusan UPSI?**

PDAH : Daripada tahun 2001 saya memegang bermacam-macam jawatan. Sekarang saya masih memegang jawatan pentadbiran tetapi sebagai pengarah satu pusat di UPSI yang dinamakan Ulul Albab. Awak boleh tengok maklumat saya dalam Budiman Malaysia mengenai Persatuan yang pernah saya sertai [www.budiey.com](http://www.budiey.com) Persatuan Penulis Budiman Malaysia

**HZ : Berapa pertubuhan dan Persatuan yang telah Prof sertai berkaitan dengan kesusasteraan Melayu?**

PDAH : Setakat ini saya dah menyertai lebih kurang enam Persatuan Sastera yang pertama ialah Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Persatuan Nusantara Melayu Raya Dun Perak, Persatuan Penulis Negeri Pahang, kemudian (berfikir) Persatuan Pengkritik Sastera, kemudian (berfikir) Persatuan Sastera Bandingan. Jadi 5 lah sastera yang saya sebutkan ini.

**HZ : Dengan pencapaian Prof, adakah Prof pernah menjadi penyelia bagi pelajar Master dan PhD? sekiranya pernah berapakah jumlah pelajar Prof?**

PDAH : Ini memang menjadi tanggungjawab menjadi penyelia kepada pelajar Master dan PhD. pelajar Master saya seingat saya lebih daripada 20 orang manakala pelajar PhD setakat ini yang saya menyelia ialah lebih kurang 20 orang juga. Tujuh daripadanya telah graduasi.

**HZ : Adakah Prof pernah menghasilkan naskah dan buku hasil penulisan Prof, Apakah antara jenis-jenis penulisan Prof?**

PDAH : Banyak penulisan buku sama ada menulis sendiri sebagai penulis tunggal ada juga penulis bersama dan juga menulis sebagai bab dalam buku Jadi saya tak pasti Berapa jumlahnya buku-buku ini adalah berkaitan dengan sastera bahasa budaya dan termasuk juga buku yang berkait dengan tokoh-tokoh atau buku yang bersifat *completable* (selesai) ada empat buah sebenarnya yang saya sebagai penulis bersama penulis pertama dan juga penulis bersama selain daripada itu juga terdapat buku umum macam pendidikan.

## **HARAPAN**

**HZ : Adakah Prof impikan hasil penulisan Prof akan digunakan di sekolah?**

PDAH : Digunakan oleh pelajar universiti bukan sahaja di UPSI malah di universiti-universiti lain yang mengambil bidang pengurusan Melayu bahasa Melayu dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sastera bahasa. Kemudian terdapat juga karya saya memang digunakan dalam teks sastera tingkatan 4 dan 5 sekarang ini iaitu \_\_\_ pun ada di situ memang digunakan oleh pelajar sekolah menengah.

**HZ : Adakah Prof pernah peroleh sebarang anugerah sepanjang berkhidmat sebagai seorang pensyarah dan apakah anugerah tersebut?**

PDAH : Sama ada anugerah yang berkaitan dengan penglibatan saya dalam sastera seperti hadiah Sastera Perdana Malaysia oleh DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka). Kemudian hadiah sastera kerajaan Terengganu. Kemudian hadiah sastera apa nama ni (berfikir) Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan anugerah-anugerah lain sebagai berkhidmat dalam perkhidmatan pengajian itu banyak lah. Saya dah sepanjang tempoh saya berkhidmat saya telah menerima anugerah khidmat cemerlang sebanyak 5 kali, yang terakhir pada tahun 2015 seingat saya dan beberapa lagi anugerah lain yang saya \_\_\_ macam tu lah (begitulah).

**HZ : Apakah program yang Prof lakukan untuk menarik minat masyarakat dengan kesusasteraan Melayu?**

PDAH : Jadi kalau saudara boleh tengok dalam website Budiman Malaysia situ banyak program-program yang dilakukan untuk menarik minat masyarakat. Seminar, Program kembara, khidmat masyarakat kemudian apa nama ni (berfikir) kegiatan penulisan bersama komuniti.

**HZ : Adakah Prof rasa kesusasteraan Melayu itu penting untuk setiap pelajar belajar di sekolah atau peringkat IPT? dan kenapa?**

PDAH : Di sekolah menengah sementara di universiti kursus-kursus mata kursus yang diajar tapi dalam konteks negara bangsa sebagai bangsa kita yang besar, penulisan Melayu adalah warisan peradaban, warisan peradaban negara,

warisan peradaban bangsa Melayu. (tegas) Jadi bukan sahaja ianya diajar di sekolah ataupun bukan sahaja diajar kepada pelajar sastera sahaja tetapi sepatutnya diajar kepada semua pelajar sebagai rakyat dalam sebuah negara bangsa sebab Sastera Melayu itu adalah sastera yang menjadi teras kepada dasar sastera negara, juga menjadi teras sebahagian daripada dasar kebudayaan negara jadi untuk memahami dengan lebih mendalam makna negara yang berteraskan kepada budaya bangsa bahasa Melayu dan juga agama Islam maka semua rakyat harus faham tentang sastera ini

**HZ : Sekiranya Prof sudah bersara kelak, Adakah Prof akan terus mengeluarkan hasil naskah tulisan Prof?**

PDAH : Berkarya menulis kerana itu adalah sebahagian daripada tanggung jawab saya dalam bidang Sastera dan menulis ini berkarya ini dia tidak ada tempoh pencen sampai lah kita mampu untuk berkarya, berfikir banyak dan haruslah menulis. Menulis itu termasuk dalam makna Iqra. Baca bermakna bukan baca sahaja tetapi baca, menulis, berkarya membuat penyelidikan. So, (jadi) makna Iqra merangkumi penulisan, jadi jangan berhenti menulis buat sahaja setakat kita mampu kerana itu sebahagian daripada tuntutan Iqra yang diturunkan Wahyu daripada Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam. Okey (baiklah) saya rasa itu sahaja, sepertimana yang saudara tujukan kepada saya. Saya harap ianya boleh membantu dan selebihnya saya harap saudara boleh lihat di dalam untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program yang saya lakukan saudara boleh pergi ke website [www.khidmatMalaysia.com](http://www.khidmatMalaysia.com).

**FC : Ada apa-apa soalan lagi ke Ida?**

HZ : Sebenarnya saya punya soalan ni dah boleh dapat jawapan sebab Prof punya anugerah semua dalam CV yang Prof bagi tu.

PDAH : soalan awak semua dah terjawab kan? Selesai?

**FC : Sebenarnya kami ada 100 soalan tapi rasanya dah terjawab kot (oleh) Prof. Tapi kalau ada maklumat yang kita orang (kami) tertinggal kita orang (kami) akan cuba untuk PM (mesej) Prof.**

PDAH : Boleh. ataupun awak boleh cari maklumat saya di dalam internet.

**FC** : **Okey Prof terima kasih**

PDAH : Baiklah apa-apa yang tak lengkap nanti boleh *contact* (hubungi) saya.

HZ : Baik Prof. Terima Kasih

**FC** : **Maaf kalau kami mengganggu masa Prof.**

PDAH : Baiklah Assalamualaikum.

## **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Profesor Dr. Abdul Halim bin Ali di sepanjang berkhidmat sebagai pensyarah Kesusasteraan Melayu dari tahun 2000 sehingga kini dan penulis buku-buku ilmiah. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang penulisan kesusasteraan melayu moden kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# LAMPIRAN

## SENARAI SOALAN

### LATARBELAKANG

1. Boleh saya tahu Nama penuh Tuan dan umur Tuan?
2. Bagaimana keadaan Tuan dan keluarga sekarang? Sihat?
3. Boleh saya tahu tempat kelahiran Tuan?
4. Tahun kelahiran?
5. Tuan dan keluarga tinggal di mana sekarang?
6. Tuan mula menetap di kediaman sekarang pada tahun berapa?
7. Apakah faktor penetapan Tuan di daerah sekarang?
8. Tuan dan pasangan ada berapa orang anak?
9. Adakah anak-anak Tuan sekolah berasrama penuh atau sekolah harian?
10. Boleh saya tahu tahap pendidikan paling tinggi anak pertama?
11. Apakah bidang yang diceburi oleh anak pertama Tuan? (jika telah ke alam universiti)
12. Adakah bidang yang diceburi anak Tuan ditentukan oleh Tuan dan pasangan Tuan atau mengikut minat anak Tuan sendiri?
13. Jika bidang diceburinya ditentukan oleh Tuan dan Pasangan, boleh saya tahu sebab kenapa Tuan dan Pasangan menentukannya?
14. Adakah Tuan merasakan penggunaan bahasa antara pasangan dan anak-anak Tuan penting?
15. Apakah bahasa yang sering digunakan dalam perbualan harian bersama keluarga Tuan? adakah Tuan mementingkan penggunaan bahasa Melayu berbanding bahasa lain seperti bahasa Inggeris?
16. Bagaimana pula dengan tahap pendidikan pasangan Tuan? Adakah isteri Tuan juga berkerja?
17. Adakah pasangan Tuan menceburi bidang yang sama dengan Tuan dalam kerjayanya?
18. Sebelum kita mengupas lebih lanjut tentang latar belakang pendidikan Tuan sendiri, boleh saya tahu pekerjaan bapa Tuan? Bagaimana keadaannya sekarang?
19. Bagaimana pula dengan pekerjaan ibu Tuan? (jika bekerja)
20. Tuan ada berapa orang adik-beradik dan Tuan anak ke=berapa?



21. Adakah pendidikan dalam kalangan keluarga Tuan penting?

22. Boleh saya tahu tahap pendidikan adik beradik Tuan?

Bil.	Tahap pendidikan
1	
2	
3	
4	

23. Bagaimana pula dengan bidang yang diceburi oleh adik beradik Tuan?

Bil.	Jenis bidang
1	
2	
3	
4	

24. Sepanjang Tuan dan adik-beradik Tuan yang lain melanjutkan pengajian, sama ada di peringkat yang rendah mahupun tinggi, siapa yang membiayai yuran dan perbelanjaan Tuan dan adik-beradik?

- Pembiayaan sendiri
- Pinjaman pendidikan
- Biasiswa
- Penajaan
- Lain-lain

25. Adakah Tuan atau adik beradik lain adalah penerima biasiswa/tajaan ketika belajar?
26. Kalau begitu, berapa orang dalam adik beradik Tuan merupakan penerima biasiswa/tajaan termasuk Tuan? adakah mereka penerima biasiswa/tajaan pada peringkat Universiti?
27. Apakah factor yang menyebabkan Tuan/adik-beradik Tuan menerima biasiswa/tajaan semasa belajar? Mungkin penerimaan biasiswa/tajaan disebabkan oleh:-
- I. Kecemerlangan akademi
  - II. Sosioekonomi
  - III. Kegiatan kokirukulum
  - IV. Anak kakitangan
  - V. Kursus pengajian
  - VI. Lain-lain

**LATARBELAKANG PENDIDIKAN DAN KEJAYA AWAL**

28. Dimanakah Tuan mendapatkan didikan awal kanak-kanak sehingga ke Universiti?

Peringkat	Tempat dan Tahun mula-tahun tamat
Tadika/pra-sekolah	
Sekolah Rendah	
Sekolah Menengah	
Universiti: Diploma:- Ijazah:- Sarjana:- PHD:-	

29. Kusus-kursus professional lain yang pernah Tuan ikuti? Adakah kursus-kursus ini penyebab Tuan tertarik dengan bidang Tuan ceburi sekarang.
30. Apakah factor/sebab kenapa Tuan melanjutkan pengajian ke peringkat sehingga ke peringkat universiti?
31. Dimanakah negeri/daerah ketika tuan memulakan zaman Universiti peringkat Diploma?
32. Apakah kursus/program yang Tuan ceburi semasa di peringkat Diploma?
33. Apakah yang membuatkan Tuan ingin mengikuti kursus/program tersebut?
34. Bagaimanakah pengalaman pembelajaran ketika Tuan memulakan pengajian di peringkat Universiti?
- I. Bangunan
  - II. Kemudahan yang disediakan
  - III. Persepsi Keluarga dan rakan-rakan tentang kursus/program yang Tuan ceburi
  - IV. Keunikan fakulti/kursus yang diceburi
  - V. Pengetahuan mengenai prospek kerjaya
35. Apakah kursus yang Tuan ceburi ketika di peringkat ijazah?
36. Adakah kursus/program yang Tuan ceburi ketika di peringkat ijazah berhubungkait dengan kursus/program semasa di peringkat Diploma?
37. Apakah perbezaan yang Tuan alami ketika melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma dengan Ijazah?
- I. Persekitaran
  - II. Kenalan
  - III. Sistem pembelajaran
  - IV. Kemudahan
38. Apakah kesukaran yang Tuan alami ketika Tuan melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma dan Ijazah?
- I. Tugas subjek
  - II. Faktor sosioekonomi
  - III. Faktor sosial

39. Berapa lama Tuan mengambil masa sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana/master?
40. Apakah bidang/kursus yang Tuan ceburi ketika di peringkat Sarjana?
41. Berapa lama Tuan mengambil masa untuk menamatkan pengajian di peringkat Sarjana?
42. Apakah pekerjaann pertama Tuan setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana?
43. Jenis jawatan yang pernah Tuan sandang ketika itu?
44. Bagaimana perasaan Tuan semasa memulakan kerjaya selepas tamat ijazah?
45. Bagaimana dengan pekerjaan Tuan sekarang? Adakah dalam bidang yang sama dengan kerjaya sebelumnya?
46. Tuan ada memegang apa-apa jawatan untuk pekerjaan sekarang?
47. Bagaimana Tuan menggalas tanggungjawab dalam masa yang sama menjadi pengajar? Adakah Tuan pernah mengalami masa-masa yang sukar semasa menggalas jawatan ini?
48. adakah pekerjaan Tuan sekarang dipengaruhi oleh tahap pendidikan Tuan di peringkat PhD atau bidang Tuan semasa menamatkan PhD?
49. Berapa lama Tuan mengambil masa untuk menamatkan Pengajian di peringkat PhD? Dan apakah kekangan dalam menamatkan penagjian di peringkat PhD?
50. Siapakah yang banyak memberi nasihat tentang pkerjaan/bidang Tuan ceburi sekarang?

#### **PENGALAMAN KERJAYA**

51. Tuan, boleh tuan terangkan kerjaya tuan dari awal sehingga sekarang?
52. Berapa tahunkah tuan bekerja sebagai seorang guru sekolah sebelum menjadi pensyarah di UPSI?
53. Sejauh manakah pencapaian akademik tuan untuk mejadi pensyarah yang cemerlang?
54. Bilakah tuan mula menjadi seorang pensyarah? Selain daripada menjadi pensyarah di UPSI, adakah Tuan pernah menjadi pensyarag di Unversiti lain?
55. Adakah tuan gemar dengan Kesusasteraan Melayu sehingga mahu menjadi seorang pensyarah dalam bidang ini?

56. Sebagai seorang pensyarah, apakah yang sering menjadi rintangan sepanjang tuan mengajar dalam bidang ini?
57. Adakah pelajar tuan menyambut baik cara Kesusasteraan Melayu tersebut?
58. Selain mempunyai kedudukan akamedik di institusi, adakah tuan pernah memegang jawatan di pentabiran institusi tersebut?
59. Adakah tuan pernah menjawat jawatan dalam jabatan Kesusasteraan Melayu?
60. Berapakah jawatan yang pernah disandang oleh tuan semasa Tuan mula berkecimpung dalam bidang Kesusasteraan Melayu?
61. Adakah tuan pernah memperoleh sebarang anugerah sepanjang berkhidmat sebagai seorang pensyarah?
62. Anugerah apakah yang tuan pernah peroleh?
63. Berapakah anugerah yang pernah tuan peroleh hasil dari penulisan tuan?
64. Adakah tuan pernah memperoleh anugerah hasil perhidmatan cemerlang tuan?
65. Apakah pengalaman manis tuan sepanjang tuan berkhidmat sebagai pensyarah Kesusasteraan Melayu ini?
66. Apakah kenangan pahit yang terpaksa ditempuh sepanjang bergelar pensyarah?
67. Adakah tuan pernah berasa kecewa dengan menceburi bidang Kesusasteraan Melayu ini?
68. Berapakah persatuan dan pertubuhan yang tuan telah sertai berkaitan dengan Kesusasteraan Melayu?
69. Adakah tuan pernah mewakili Malaysia untuk membentangkan kertas kerja ataupun dalam pembacaan puisi?

## **SUMBANGAN**

70. Apakah program yang tuan lakukan untuk menarik minat masyarakat dengan Kesusasteraan Melayu?
71. Adakah tuan pernah menghasilkan naskah atau buku- buku hasil penulisan tuan?
72. Selain mengajar, apakah lagi penyertaan tuan dalam bidang Kesusasteraan Melayu?
73. Adakah tuan aktif dalam persatuan-persatuan yang terdapat di institusi tuan?
74. Pernahkah tuan terlibat dalam aktiviti penulisan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa?

75. Pernahkah tuan menjadi juri dalam pertandingan yang berkaitan dengan Kesusasteraan Melayu?
76. Adakah tuan menyertai pertandingan mahupun membuat persembahan berkaitan Kesusasteraan Melayu?
77. Apakah program tuan anjurkan yang melibatkan masyarakat setempat?
78. Apakah jenis-jenis penulisan tuan yang pernah diterbitkan?
79. Berapa banyak penulisan tuan yang pernah diterbitkan?
80. Adakah tuan pernah menjadi penyelia bagi pelajar master dan PHD?
81. Berapakah jumlah pelajar hasil dari penyeliaan tuan?
82. Apakah pencapaian tertinggi pelajar tuan pernah kecapai hasil dari bimbingan tuan?
83. Apakah sumbangan yang telah berikan kepada persatuan dan pertubuhan yang tuan sertai?
84. Selain daripada membuat khidmat masyarakat, apakah cara tuan agar masyarakat Malaysia gemar akan seni dan bahasa Kesusasteraan Melayu?

#### **HARAPAN**

85. Apakah harapan tuan untuk pelajar-pelajar yang menceburi bidang Kesusasteraan Melayu?
86. Adakah tuan sudah berpuas hati dengan penulis muda sekarang?
87. Adakah penulis-penulis sekarang sudah mahir untuk menulis supaya tidak merosakkan Bahasa Melayu itu sendiri?
88. Apakah yang tuan katakan kepada pihak pengurusan maklumat untuk menarik minat pelajar menceburi bidang ini?
89. Bagaimana cara untuk pihak pengurusan institusi dapat membantu pelajar kesusasteraan melayu?
90. Adakah pelajar-pelajar kesusasteraan melayu perlukan kemudahan tersendiri untuk memudahahkan proses pembelajaran mereka?
91. Adakah tuan masih mempunyai impian yang belum tuan laksanakan sebagai seorang pensyarah?
92. Sekiranya tuan sudah bersara kelak, adakah tuan akan terus mengeluarkan hasil naskah tulisan tuan?

93. Apakah yang ingin dikatakan agar pelajar terus melakukan kerja di bidang yang sama setelah tamat belajar?
94. Bagaimana perasaan tuan sekiranya ada pelajar tuan mengikut jejak langkah tuan sebagai seorang penulis?
95. Adakah tuan pernah impikan hasil penerbitan tuan akan digunakan di sekolah-sekolah?
96. Sekiranya tuan mendapat tawaran untuk membuat antologi atau cerpen untuk kegunaan sekolah, apakah tajok yang sesuai agar pelajar minat untuk membaca jenis karya tradisioanal?
97. Adakah tuan berminat untuk menulis penulisan jenis lain misalnya pantun atau gurindam?
98. Sebagai seorang penulis, bagaimanakah caranya tuan pastikan karya tuan sesuai dibaca untuk lapisan umur?
99. Bagaimanakah cara untuk tuan membantu agar semua marhaen dapat membaca Bahasa Melayu?
100. Kenapakah tuan rasa Kesusasteraan Melayu itu penting untuk setiap pelajar belajar di sekolah?

# INDEKS



## INDEKS

<b>A</b>	<b>P</b>
Air rod 17	Pengajian 19, 23, 24
	Pensyarah 20, 23, 25, 28
<b>B</b>	
Belajar 17, 22, 23, 25	<b>S</b>
Biasiswa 19, 22	Sains politik 23
	Sastera 20, 21, 24, 27, 28, 29
<b>C</b>	Sekolah 16, 17, 18, 20, 21, 22, 26, 27, 28
Culinary 17	
	<b>T</b>
<b>G</b>	Topologi 23
Geografi 19, 23	Teori estetika bersepadu 24
<b>J</b>	
Journal 20	
<b>K</b>	
Kejuruteraan kapal 17	
Keluarga 17, 18, 19, 23, 25	
Kesusasteraan Melayu 20, 28	
Kursus professional 21	
Kursus ikhtisas 21	
<b>N</b>	
Naskah 27, 29	